

**PERSEPSI KOMUNITI TEMPATAN TERHADAP
KEPENTINGAN HAK TANAH ADAT KAMPUNG
IMAHIT, TENOM, SABAH**

MADLINE HENRY LUYAN



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PERSEPSI KOMUNITI TEMPATAN TERHADAP KEPENTINGAN HAK TANAH ADAT KAMPUNG IMAHIT, TENOM, SABAH

IJAZAH: IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)

Saya **Madeline Henry Luyan**, Sesi **2014-2018**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)


MADLINE HENRY LUYAN
MA14111034T

Tarikh : 11 Julai 2018


(Profesor Madya Dr. Gaim @James Lunkapis)
Penyelia

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Julai 2018



.....
Madeline Henry Luyan
MA14111034T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MADLINE HENRY LUYAN**

NO. MATRIK : **MA14111034T**

TAJUK : **PERSEPSI KOMUNITI TEMPATAN TERHADAP
KEPENTINGAN HAK TANAH ADAT KAMPUNG IMAHIT,
TENOM, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

TARIKH VIVA : **11/04/2018**

DISAHKAN OLEH:

PENYELIA

Professor Madya Dr. Gaim @James Lunkapis



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'G' followed by a horizontal line and a flourish.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, puji Tuhan dan hormat kepada-Nya atas berkat-Nya yang berlimpah dan penyertaanNya sepanjang penyelidikan dijalankan. Akhirnya saya telah berjaya menyiapkan penulisan penyelidikan pada tahun ini. Di kesempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli keluarga saya kerana sokongan dan dorongan yang tidak henti-henti terutamanya daripada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Henry Luyan dan Jenny Gitom. Tidak lupa juga kepada adik-beradik saya Rolland, Rinnilyn, Moses, Herney, Raynold dan Roby atas sokongan semangat dan dorongan kepada saya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Professor Madya Dr. Gaim Lunkapis selaku penyelia atas jasa beliau yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar di sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah program Geografi (HA18). Tidak lupa juga kepada kawan-kawan saya iaitu Tan Wee Keong @William Tan, Tuti Ema Yani Binti Joseph, Hagin Danny, Sairil Janioh, Ryan Mungkit, Zulhelmi dan Tila Kurpong kerana kerjasama dan sokongan yang telah diberikan. Penghargaan dan jutaan terima kasih juga kepada En. Barani Ambise selaku Pengerusi Badan Bertindak Kampung Imahit dan seluruh penduduk Kampung Imahit, Tenom kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama semasa pengutipan data di lapangan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha saya menyiapkan penyelidikan ini. Apa juga kelemahan yang terkandung dalam penulisan ini datangnya dari diri saya sendiri. Semoga apa yang dipaparkan dalam penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat membantu penyelidikan di masa akan datang.

Madeline Henry Luyan

11 Julai 2018

ABSTRAK

Konflik tanah adat semakin kritikal dalam kalangan Orang Asal di seluruh dunia. Di Malaysia khususnya di Sabah, konflik ini merupakan antara isu yang hangat kerana melibatkan pengiktirafan hak Orang Asal terhadap penggunaan tanah, harta benda, amalan adat, budaya dan kepercayaan mereka secara tradisional. Kajian ini membincangkan dan menjelaskan konflik hak tanah adat yang dihadapi oleh penduduk Kampung Imahit, Tenom, Sabah dan menerangkan persepsi komuniti tempatan terhadap kepentingan hak tersebut kepada mereka. Objektif kajian ini adalah untuk memahami kaedah penjagaan hutan adat, mengkaji kepentingan dan kesan yang dihadapi oleh Orang Asal yang terlibat serta mendapatkan persepsi penduduk berkenaan hak mereka terhadap tanah adat pada masa kini. Kajian berdasarkan pada kupasan literatur, pemerhatian, temu bual dan dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian mendapati tanah adat sinonim dengan Orang Asal kerana menjadi asas kepada kehidupan mereka malah keseimbangan ekosistem hutan dicapai melalui amalan-amalan tradisional secara mapan. Dapatan kajian menunjukkan hak penduduk masa kini berkurangan dan tidak bebas seperti amalan terdahulu.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

THE PERCEPTION OF THE LOCAL COMMUNITY ABOUT THE IMPORTANCE OF CUSTOMARY LAND RIGHTS KAMPONG IMAHIT, TENOM, SABAH

Conflicts involving customary land have become more critical among indigenous people worldwide. In Malaysia especially in Sabah, such conflicts become heated issues because it involves the recognition of indigenous rights to land use, property, customary practices, cultural and traditional beliefs. This research discusses the conflict involving customary land rights faced by the kampong Imahit, Tenom, Sabah and explains the perception of the local community about the importance of these rights for this community. In this regard, the research seeks to understand the traditional ways used in preserving land, to understand the impact of land rights conflicts faced by indigenous people. The research used qualitative method through literature review, observation and interviews. The research finds that indigenous lands indeed synonymous with indigenous people because it is fundamental for their livelihood. Their traditional practice contributes to a more balanced ecosystem through traditional practices. Research findings shows that rights of indigenous communities have diminished with less freedom to practice their previous traditions.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI FOTO	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	Halaman
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Metodologi Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Rangka Tesis	10

1.9	Kesimpulan	11
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Pendefinisian Konsep	13
2.2.1	Orang Asal	13
2.2.2	Orang Asli Semenanjung Malaysia	16
2.2.3	Orang Asal Kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak)	17
2.2.4	Tanah Adat	20
2.2.5	Hak	22
2.2.6	Hak Tanah Adat (Native Customary Rights)	22
2.2.7	Kaum Murut	28
2.2.8	Kaedah Tradisional	30
2.2.9	Pengurusan Sumber Hutan Dan Tanah	30
	2.2.9.1 Sistem Tanaman Giliran	31
	2.2.9.2 Sistem Tagal	32
2.3	Sistem Pemilikan Tanah dan Undang-Undang di Malaysia	34
2.3.1	Secara Umum	34
2.3.2	Sistem Torrens	35
2.3.3	Sabah	37
	2.3.3.1 Ordinan Tanah Sabah (Bab 68)	37
	2.3.3.2 Pindaan Ordinan Tanah Sabah 1963 (Cp 88)	39
	2.3.3.3 Enakmen Hutan Simpan Sabah 1968	39
	2.3.3.4 Akta Lain Yang Berkaitan	40

2.4	Sorotan Kajian Terdahulu	41
2.4.1	Dalam Negara	41
2.4.2	Luar Negara	46
2.5	Status Tanah Adat Masa Kini di Sabah	48
2.6	Kajian Lalu Berkaitan Isu Dan Konflik Di Kawasan Kajian	53
2.6.1	Murut (Tahol) Kampung Imahit	53
2.6.2	Sistem pemilikan Tanah adat kampung Imahit, Tenom	55
2.6.3	Konflik Hak Tanah Adat Dan Hubungannya Dengan Kehidupan Orang Asal Kampung Imahit	57
2.6.4	Kronologi Tuntutan Tanah Adat Kampung Imahit	60
2.7	Peranan dan Kepentingan Tanah Adat	62
2.7.1	Sumber Ekonomi	63
2.7.2	Pertanian	64
2.7.3	Nilai Kehidupan Sosial	65
2.7.4	Integriti Budaya	66
2.8	Kesan Kehilangan Hak Tanah Adat	67
2.8.1	Kesan Jangka Pendek	67
2.8.2	Kesan jangka panjang	68
2.9	Kesimpulan	70

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	72
3.2	Latar Belakang Kawasan kajian	73

3.3	Metodologi dan instrumentasi	76
3.3.1	Soal selidik	77
3.3.2	Soal selidik di kawasan kajian	77
3.4	Teknik persampelan	79
3.5	Temu bual	81
3.5.1	Temubual Separa berstruktur	81
3.6	Data sekunder	82
3.7	Kaedah analisis data	82
3.7.1	Analisis soal selidik	83
3.7.2	Analisis menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Sciences)	83
3.7.2.1	Analisis Crosstab	84
3.7.2.2	Analisis jawapan Skala Likert	84
3.7.3	Analisis temu bual	86
3.7.4	Analisis data sekunder	86
3.8	Kesimpulan	87

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	88
4.2	Analisis Latar Belakang Demografi Responden	88
4.3	Analisis Dapatan Objektif 1: Memahami Peranan Dan Kaedah-Kaedah Pemeliharaan Hutan Secara Tradisional Oleh Orang Asal Kampung Imahit	95
4.4	Bahagian C: Dapatan Kepentingan Dan Kesan Kehilangan Tanah Adat	103
4.4.1	Kaedah pengebumian "Finandaian"	108

4.4.2	Kaedah Pengebumian Biasa	109
4.5	Analisis Dapatan Kesan Kehilangan Hak Tanah Adat Dalam Kalangan Penduduk Kampung Imahit	111
4.5.1	Kesan Pada Sosial (Sosio-Budaya)	114
4.5.2	Kesan Pada Fizikal	116
4.5.3	Kesan Pada Ekonomi	119
4.6	Dapatan objektif II: Potensi Impak Yang Dijangka Berlaku Kepada Masyarakat Yang Terlibat Dengan Konflik Tanah Adat	120
4.7	Analisis Objektif III: Menganalisis Persepsi Responden Berkenaan Sejauhmanakah Hak Penduduk Kampung Imahit Terhadap Tanah Adat Mereka Pada Masa Kini	121
4.8	Kesimpulan	123

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	125
5.2	Dapatan Objektif 1: Kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan hutan secara tradisional oleh orang asal kampung Imahit	125
5.2.1	Sistem pengezonan	126
5.2.2	Sistem Tagal	126
5.2.3	Sistem tanaman Giliran	126
5.3	Kepentingan Tanah Adat	127
5.4	Dapatan Objektif 2: Potensi Impak yang akan Berlaku Kepada Penduduk Kampung Imahit	128
5.5	Hak Tanah Adat Pada Masa Kini Menurut Penduduk Kampung Imahit	130
5.6	Kesimpulan	132

BAB 6 RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1	Pendahuluan	133
6.2	Ringkasan Dapatan Kajian	134
6.2.1	Dapatan Objektif I	134
6.2.2	Dapatan Objektif II	136
6.2.3	Dapatan Objektif III	137
6.3	Implikasi Dapatan Kajian	139
6.4	Cadangan Bagi Mengatasi Masalah	141
6.5	Masalah dan Cadangan Kajian Masa Akan Datang	143
6.6	Kesimpulan	144

BIBLIOGRAFI

145

LAMPIRAN

152



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	Jadual 2.1: Konflik tanah adat yang berlaku di luar negara	46
Jadual 2.2	Kronologi Peristiwa Kes Tanah Adat Kampung Imahit	59
Jadual 3.1	Saiz persampelan	80
Jadual 3.2	Pernyataan Soal Selidik Bahagian C	85
Jadual 3.3	Jadual Penentuan Tahap Skor Min	86
Jadual 4.1	Jumlah Jantina Responden	89
Jadual 4.2	Taraf Perkahwinan Responden	90
Jadual 4.3	Umur Responden	91
Jadual 4.4	Bangsa Responden	93
Jadual 4.5	Pendapatan Responden	94
Jadual 4.6	Jenis Pekerjaan Responden	95
Jadual 4.7	Jenis Keadah-kaedah pemeliharaan hutan secara tradisional mengikut peratus	96
Jadual 4.8	Tempoh pengamalan hutan secara tradisional responden	98
Jadual 4.9	Pengamalan Kaedah Tradisional Responden Untuk Memelihara Hutan adat	99
Jadual 4.10	Kegunaan Pertanian dan Bukan Pertanian	101
Jadual 4.11	Jenis-jenis kegunaan tanah adat bagi penduduk kampung Imahit	102
Jadual 4.12	Skala Likert yang telah digunakan	103
Jadual 4.13	Analisis Kekerapan Menggunakan Skor Min	104
Jadual 4.14	Reaksi Responden Berkenaan Kepentingan Dan Kesan Kehilangan Tanah Adat	107
Jadual 4.15	Reaksi Responden berkenaan Kesan Kehilangan Tanah Adat Dari Aspek Sosial	113

Jadual 4.16	Reaksi Responden berkenaan Kesan Kehilangan Tanah Adat Dari Aspek Fizikal	115
Jadual 4.17	Reaksi Responden berkenaan Kesan Kehilangan Tanah Adat Dari Aspek Ekonomi	118
Jadual 4.18	Persepsi Responden Berkenaan Sejauhmanakah Hak Penduduk Kampung Imahit Terhadap Tanah Adat Mereka Pada Masa Kini	121



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Peta Lokasi Kajian, Kampung Imahit Tenom.	7
Rajah 2.1	Proses-proses dalam Pemilikan Tanah Adat Kampung Imahit	55
Rajah 2.2	Pola konflik hak tanah adat penduduk Kampung Imahit	57
Rajah 3.1	Peta Lokasi Tenom, Sabah	73
Rajah 3.2	Peta Lokasi Kajian Bagi Kampung Imahit, Sabah	75
Rajah 3.3	Peta topografi kawasan tanah adat yang diambil sendiri oleh penduduk kampung dengan bantuan dari pihak Pacos trust	76
Rajah 4.1	Jantina Responden Mengikut Peratus	89
Rajah 4.2	Taraf Perkahwinan Responden Mengikut Peratus	90
Rajah 4.3	Umur Responden Mengikut Peratus	92
Rajah 4.4	Bangsa Responden Mengikut Peratus	93
Rajah 4.5	Pendapatan Responden Mengikut Peratus	94
Rajah 4.6	Jenis Pekerjaan Mengikut Peratus	95
Rajah 4.7	Keadah-kaedah pemeliharaan hutan secara tradisional mengikut peratus	97
Rajah 4.8	Tempoh Pengamalan hutan secara tradisional Responden	98
Rajah 4.9	Pengamalan Kaedah Tradisional Responden Untuk Memelihara Hutan ada	99
Rajah 4.10	Penggunaan Kaedah Tradisional Dalam Pertanian Dan Bukan Pertanian	101
Rajah 4.10	Responden Yang Masih Menggunakan Kaedah Tradisional Dalam Aktiviti Harian	102
Rajah 4.11	Jenis-Jenis Aktiviti Harian Yang Menggunakan Kaedah Tradisional Di Kawasan Tanah Adat	103



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman	
Gambar 4.1	Lakaran Tempat Pengebumian Finandaian	108
Gambar 4.2	Gambar Kuburan Finandaian	109
Gambar 4.3	Lakaran Tempat Pengebumian Biasa	110
Gambar 4.4	Antara Kuburan Nenek Moyang Penduduk Kampung Imahit	131



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

NCR	Native Costumary Right
PMR	Penilaian Menengah Rendah
RM	Ringgit Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
SPSS	Statistical Pacage For The Social Science
FKSW	Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SUHAKAM	Suruhanjaya hak asasi manusi
UNDRIP	United Nations Declaration On The Rights Of Indigenous Peoples



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN 1** Borang Soal Selidik
- LAMPIRAN 2** Gambar Responden
- LAMPIRAN 3** Surat Akuan Penduduk



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Orang Asal merupakan penduduk yang terawal menduduki dan membuka petempatan di sesebuah kawasan. Mereka dikenali melalui kebudayaan mereka yang mana merangkumi adat resam, sistem nilai, sistem kepercayaan, bahasa, perubahan tradisional, kesenian dan pantang larang yang mereka amalkan (Telapak, 2011). Tanah adat merupakan satu aset yang paling berharga bagi masyarakat peribumi di Sabah terutamanya penduduk kampung yang bergantung dengan tanah adat bagi menjalankan aktiviti sosial dan sosioekonomi.

Tanah adat pula merupakan tanah yang menjadi asas kepada kehidupan masyarakat Orang Asal. Ia telah diusahakan oleh penduduk peribumi sejak turun temurun dan menjadi satu-satunya harta yang paling bernilai bagi mereka (Ordinan Tanah Sabah Cap 68, 1996). Kebanyakan daripada penduduk peribumi Sabah bergantung sepenuhnya pada hasil dari tanah yang diwarisi tersebut.

Secara umumnya, tanah-tanah di Malaysia ditadbir berasaskan sistem Torrens. Sistem yang diperkenalkan ini merupakan satu-satunya peruntukan yang membolehkan urusan niaga berkaitan tanah dilakukan melalui hak pemilikan tanah yang tidak boleh disangkal (Simpson, 1976). Pentadbiran tanah ini berdasarkan perundangan yang berbeza iaitu Kanun Tanah Negara 1965 (yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia), Kanun Tanah Sarawak 1958 (Bab 81) di negeri Sarawak dan Ordinan Tanah Sabah 1930 (Bab 68) yang berkuat kuasa di negeri Sabah sahaja. Menurut Haji Salleh Buang (2003) menyatakan bahawa sejak kanun Tanah negara dikuatkuasakan pada 1 Januari 1968, ia telah dipindah sebanyak 30 kali dari tahun

1988 sehinggalah pada tahun 2008 bagi memenuhi keperluan dasar dan sosioekonomi di Malaysia.

Walau bagaimanapun terdapat empat sumber undang-undang lain yang turut digunakan iaitu Undang-Undang Adat, Undang-Undang Islam, Undang-Undang Inggeris dan Kanun Tanah Negara. Menurut Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi (2003) menyatakan bahawa kerajaan persekutuan berperanan sebagai penasihat dan penyelaras tanah melalui Majlis Tanah Negara. Majlis ini berperanan sebagai penyelaras perhubungan di antara persekutuan dengan kerajaan negeri dalam menentukan keseragaman dalam pentadbiran tanah. Pada masa yang sama ia turut berperanan dalam meluluskan dasar dan perundangan yang berkaitan dengan penggunaan tanah.

Pentadbiran tanah melalui majlis tanah negara yang berasaskan perundangan di Malaysia telah memberi perlindungan terhadap pemilikan tanah di Malaysia dan cenderung dihormati. Namun pengaplikasian undang-undang tersebut adalah kurang dan tidak konsisten serta berubah-ubah sehingga sukar diimplimentasikan mengikut perubahan yang berlaku seterusnya telah mencetuskan pelbagai konflik dalam kalangan pemegang tanah tersebut. Salah satu konflik yang berlaku akibat daripada perubahan ini adalah konflik perebutan hak milik tanah adat di antara pihak luar dengan penduduk Orang Asal yang mendiami kawasan tersebut.

Pengaplikasian sistem perundangan dan pemberian hak kepada Orang Asal dalam pemilikan tanah dilihat masih belum cukup kukuh dalam mempertahankan hak Orang Asal terhadap tanah adat mereka. Hidup di kawasan pedalaman menyebabkan kumpulan ini sukar mengetahui undang-undang berkaitan perlindungan terhadap hak mereka dan yang paling utama adalah pengaplikasian perundangan seperti Sistem Torrens pada masa kini adalah kurang sesuai memandangkan tujuan penggubalanan Sistem Torrens dahulu adalah disebabkan oleh Peranan ekonomi British (Fadzillah Majid Cooke, 2008).

Timbulnya pelbagai konflik berkenaan tanah adat kini menyebabkan penyelidikan cuba mengenal pasti kesan negatif yang bakal dihadapi oleh Orang Asal akibat

kehilangan hak terhadap tanah adat mereka. Tujuan penulisan ini dilakukan adalah untuk menerangkan apakah peranan tanah adat dan kaedah yang digunakan oleh penduduk Orang Asal khususnya kaum Murut dalam memelihara alam sekitar mereka secara tradisional kerana penduduk peribumi sering kali dianggap sebagai perosak alam sekitar melalui aktiviti tradisional mereka.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Sistem pentadbiran berkenaan tanah di Malaysia sememangnya ditadbir berdasarkan sistem perundangan Malaysia. Perundangan berkenaan tanah terbahagi kepada tiga iaitu perundangan yang digunapakai di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi memantapkan lagi pengurusan tanah dalam mengurangkan masalah-masalah berkaitan dengan konflik tanah-tanah di setiap negeri.

Kehidupan masyarakat Orang Asal atau peribumi sangat sinonim dengan tanah adat mereka. Komuniti yang hidup secara terpisah dan tinggal di kawasan pedalaman ini sememangnya kaya dengan budaya, adat dan pantang larang. Aktiviti tradisional seperti aktiviti pertanian, memburu, memungut hasil hutan dan memelihara hutan secara tradisional menjadi sumber dan satu amalan yang pasti bagi mereka untuk meneruskan kehidupan justeru wujudnya pemilikan mereka terhadap tanah yang diduduki dan tanah tersebut digelar sebagai tanah adat tanpa adanya masalah.

Namun secara realitinya, pembangunan tanah yang dijalankan oleh pihak kerajaan di kawasan tanah adat Orang Asli telah menimbulkan pelbagai konflik di antara pihak pemaju atau pihak luar dan masyarakat setempat. Keadaan ini telah menyebabkan Orang Asli yang terlibat telah kehilangan tempat tinggal dan kawasan pencarian hasil dan sumber hutan bagi menyara kehidupan mereka. Di Malaysia, orang Asli hanya dianggap sebagai penyewa terhadap tanah yang diwarisi dan tiada hak milik diberikan kepada mereka berdasarkan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) manakala di Sabah dan Sarawak pula mempunyai hak pemilikan terhadap tanah adat seperti yang terkandung dalam Ordinan Tanah Sabah dan Akta Tanah Sarawak namun konflik ini masih juga timbul (Sabah Land Ordinance, 1930).

Pada masa yang sama, isu pengambilan dan pampasan pengambilan tanah adat Orang Asli di Malaysia adalah tidak sejajar dengan kehendak Deklarasi Orang Asli/Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan UNDRIP di mana Orang Asli berhak ke atas tanah, wilayah dan sumber-sumbernya termasuk adat resam, tradisi dan hak mereka terhadap tanah mereka (United Nations, 2009). Terdapat juga konflik di mana pampasan yang diberikan adalah tidak setimpal dengan nilai tanah tersebut dan yang sepatutnya. Antara impak yang berkemungkinan timbul apabila tanah adat ini diambil boleh dibahagikan kepada tiga iaitu impak pada sosioekonomi, fizikal dan sosial masyarakat yang mengalami konflik ini.

Timbulnya konflik terhadap pemilikan tanah adat menyebabkan penduduk peribumi kehilangan terhadap hak pemilikan tanah adat yang mereka warisi dari nenek moyang sejak sekian lamanya. Kajian terhadap konflik tanah adat akan melibatkan beberapa persoalan yang perlu diberi jawapan, siapa yang terlibat dalam konflik tanah adat, bagaimana konflik ini tercetus, apa kaedah tradisional yang diguna oleh penduduk untuk memelihara ekosistem tanah adat, apakah potensi-potensi impak sosial, fizikal dan impak terhadap ekonomi penduduk Orang Asli yang terlibat dalam konflik tanah adat dan sejauhmanakah hak-hak penduduk peribumi terhadap tanah adat mereka pada masa kini. Jawapan kepada persoalan ini akan menyingkap tentang kehidupan dan budaya masyarakat di kawasan kajian dalam menjaga ekosistem demi kelangsungan hidup mereka. Ia juga dapat menjelaskan hak pemilikan tanah bagi masyarakat Orang Asli.

Oleh itu penyelidik bercadang untuk melihat amalan-amalan dan pantang larang yang diamalkan oleh suku kaum ini sebagai satu cara kepada penjagaan dan pengendalian keseimbangan ekosistem persekitaran hutan tanah adat. Amalan-amalan dan pantang larang yang dianggap sebagai suatu amalan kebiasaan bagi masyarakat moden kini, mungkin mempunyai makna tertentu yang lebih baik dalam masyarakat tradisional berbanding kaedah-kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan hutan pada masa kini. Elemen pantang larang dan adat yang menebal dalam kalangan masyarakat